

DONNA FORTE CAPSULE®

Glucosamine sulphate (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Donna Forte
2. Bagaimana Donna Forte berfungsi
3. Sebelum menggunakan Donna Forte
4. Cara menggunakan Donna Forte
5. Semasa menggunakan Donna Forte
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Donna Forte
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Donna Forte

Donna Forte digunakan sebagai rawatan tambahan untuk osteoarthritis, keadaan di mana tulang rawan yang memberikan kusen di hujung tulang di sendi merosot dari masa ke masa menyebabkan kesakitan dan menjejaskan pergerakan.

Bagaimana Donna Forte berfungsi

Donna Forte mengandungi glucosamine sulphate sebagai bahan aktif. Glucosamine sulphate merupakan bahan kimia yang didapati dalam badan. Ia digunakan oleh badan untuk menghasilkan pelbagai bahan kimia yang lain yang terlibat dalam pembentukan cecair yang mengelilingi sendi.

Sebelum menggunakan Donna Forte

- *Bila tidak boleh menggunakan*
Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap

- glucosamine
- kerang / makanan laut
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini.

Jangan gunakan pada kanak-kanak berumur bawah 12 tahun, kecuali atas nasihat doktor.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau bungkusan koyak atau terdapat tanda bungkusan dibuka.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Sebelum menggunakan Donna Forte*

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan, pengawet atau pewarna.

Jika anda hamil atau menyusukan bayi, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai masalah kesihatan seperti yang berikut:

- Kencing manis jenis dua
- Berat badan berlebihan

Bagi mereka yang mempunyai kencing manis dan berat berlebihan, gula darah mereka perlu dipantau dengan teliti, jika mengambil glucosamine.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Donna Forte.

- *Jika mengambil ubat-ubatan lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Donna Forte boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuk:

- Warfarin (ubat cair darah)
- Ubat tahan sakit (NSAIDs seperti ibuprofen)
- Insulin

Ubat-ubatan ini mungkin akan dipengaruhi oleh Donna Forte atau mungkin menjejaskan fungsinya.

Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Donna Forte.

Cara menggunakan Donna Forte

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk pertolongan.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Simptom yang ringan atau sederhana:

Ambil 1 kapsul dua kali sehari untuk sekurang-kurangnya 6 minggu.

Simptom yang serius:

Permulaan terapi:

Ambil 1 kapsul tiga kali sehari untuk sekurang-kurangnya 8 minggu.

Terapi susulan:

Ambil 1 kapsul dua kali sehari untuk 3 hingga 4 bulan.

Terapi jangka panjang:

Rawatan ini mestilah diulang bersilih ganti setiap 6 bulan atau kurang, jika perlu.

- *Bila perlu digunakan*

Ambil Donna Forte 15 minit sebelum makan.

- Berapa lama perlu digunakan
Teruskan pengambilan Donna Forte seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan
Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin mengambil terlebih Donna Forte, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaian atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Donna Forte

- Perkara yang perlu dilakukan
Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Donna Forte.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Donna Forte.

Kesan terapeutik glucosamine dapat dilihat kira-kira selepas 1 minggu. Oleh itu, dalam kes yang sakit keterlaluan, dinasihatkan untuk mengambil ubat tahan sakit pada permulaan rawatan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Donna Forte untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Donna Forte mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Kesan sampingan yang sering berlaku termasuk:

- Sakit perut
- Pedih ulu hati
- Cirit-birit
- Rasa loya

Kesan sampingan berikut juga boleh berlaku:

Kardiovaskular: bengkak air pada tangan dan kaki, kadar degupan jantung lebih cepat daripada biasa telah dilaporkan dalam beberapa orang.

Sistem saraf pusat: mengantuk, sakit kepala dan kesukaran tidur jarang berlaku. (Kurang dari 1%).

Gastrousus: Loya, muntah, cirit birit, senak perut, sakit perut, sembelit, pedih ulu hati dan anoreksia (gangguan makan) jarang berlaku.

Kulit: kulit kemerah-merahan dan gatal telah dilaporkan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.moh.gov.my [Consumers -> Reporting -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Donna Forte

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pek asalnya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Simpan ubat anda di tempat bersuhu bawah 30°C. Lindungi daripada kelembapan dan haba.

Jangan simpan Donna Forte atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil Donna Forte atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul berwarna merah/hitam, dengan tanda 'DONNA/500'.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

- Setiap kapsul mengandungi 500mg glucosamine sulphate

- Bahan tidak aktif:

- Lactose
- Sodium starch glycolate
- Talc
- Avicel
- Magnesium stearate

- Nombor MAL
MAL07061587X

Pengilang

Duopharma Manufacturing
(Bangi) Sdn. Bhd.
Lot No. 2&4,
Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma Marketing Sdn. Bhd.
Lot No. 2, 4, 6, 8 &10,
Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate
43650 Bandar Baru Bangi.
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

25/06/2019

Nombor siri:
NPRA (R4/1)211118/00345